# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# SELASA 28 MAC 2023

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br><br>3. | MAT SABU: REVERSE INVESTMEN CAN BOOST FOOD SUPPLY, NAION, THE STAR -2<br>MAT SABU: GOVT EXPLORING REVERSE INVESTMENT ABROAD TO BOOST COUNTRY'S FOOD SUPPLY, NATION, CHINA PRESS -A6<br>MAFS MINISTER: OVERSEAS AGRICULTURAL REVERSE INVESTMENT REQUIRES INVESTORS TO BRING FOOD, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A3 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 4.<br>5.<br>6.<br>7.<br>8.<br>9.<br><br>10.<br><br>11.<br>12.<br>13.<br>14.<br>15.<br>16.<br>17. | ENOUGH CHICKEN SUPPLY FOR HARI RAYA, NATION, CHINA PRESS -A3<br>BEKALAN AYAM MENCUKUPI SEHINGGA AIDILFITRI, SABAH NEWS -ONLINE<br>KAWAL HARGA, BERI SUBSIDI MAKANAN IKAN, DALAM NEGERI, UM -33<br>HARGA AYAM MEMBEBANKAN, SAIZ LEBIH KECIL, NASIONAL, BH -17<br>ORANG TERENGGANU TIDAK CUKUP TELUR, NEGARA, KOSMO -16<br>BEKALAN TELUR AYAM DI TERENGGANU BERKURANGAN 33 PERATUS, DALAM NEGERI, UM -31<br>PENGGUNA DI KELANTAN USAH BIMBANG BEKALAN AYAM STABIL, DIJUAL PADA HARGA SILING, DALAM NEGERI, UM -31<br>PERLU SATU JUTA TELUR AYAM SEHARI, LOKAL, HM -17<br>BEKALAN AYAM CUKUP HINGGA HARI RAYA AIDILFITRI, LOKAL, HM -17<br>KELUASAN TANAH SAWAH DI TERENGGANU SUSUT, DALAM NEGERI, UM -12<br>HASIL PENGELUARAN PADI MALAYSIA RENDAH, DALAM NEGERI, UM -12<br>'PULANGAN TANAM PADI TAK SETIMPAL', DALAM NEGERI, UM -12<br>REELING IN FISHING OFFENDERS IN COASTAL AREAS, NEWS, THE STAR -4<br>PINEAPPLE THEME PARK PROPOSED FOR PEKAN NENAS, NEWS, THE STAR -4 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 28/3/2023 | THE STAR | NATION | 2 |

# Mat Sabu: Reverse investment can boost food supply

**KUALA LUMPUR:** The government aims to explore the potential of reverse investment (RI) in the agrofood and agriculture sectors to help enhance the sources and supply of food for the country.

Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said that for the time being, the ministry had provided a general guideline for investors – especially private companies – interested in investing via RI abroad.

He said reverse investment required the investors involved to bring back the food produce invested in other countries to Malaysia to meet domestic needs, Bernama reported.

"The concept and interpretation of RI in the context of agrofood is on the exploration and expansion of local investment abroad in which agricultural activities could be carried out as joint venture or in partnership in the country concerned.

"The commodity which is brought into the country would be considered as part of the domestic production and the commodity must be fully sourced from investments made at each stage of the production value chain," he said when winding up the debate on the royal address at the Dewan Negara yesterday.

Mohamad said countries found suitable for RI to produce cattle, buffalo, goat and sheep meat are Indonesia, Australia, Thailand, Papua New Guinea, Pakistan and India, while Indonesia was ideal for maize and other animal feed production.

Meanwhile, Mohamad said most agriculture graduates who were not employed in the field after finishing their studies could be due to the slow return of earnings, sometimes taking up to one year.

Therefore, the ministry is set to provide various allocations via Agrobank, among the measures, to encourage youth and agriculture graduates to be involved actively in the industry, he added.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Mat Sabu: Govt exploring reverse investment abroad to boost country`s food supply | | |
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 28 Mar 2023 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 |
| Page No | A6 | Readership | 383,466 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 117 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,308 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 6,924 |



# 擬引進農業逆向投資

## 末沙布：加強食品供應



（吉隆坡27日讯）农业及食品安全部长拿督斯里莫哈末沙布指出，农业及农业食品领域将引进逆向投资，以协助增加资源及加强国家食品供应。

他说，目前已执行的工作，包括发布供投资者使用的一般指南，尤其是有意在外国进行逆向投资的私人公司。

他说，这逆向投资规定有关投资者必须将他们在国外投资生产的食品带回马来西亚，以满足国内需求。

他今日在上议院国家元首施政御词辩论部门总结时，这么说。

部长提到，被认为适合逆行投资的国家，如印尼、澳洲、泰国、巴布亚新几内亚和巴基斯坦，用于生产牛肉、水牛、羊及绵羊，而印度和印尼则生产玉米及其他牲畜饲料来源。

此外，他说，农业系学生毕业后没有从事农业，主要是该领域很慢看到成果，因此他们选择打工，甚至愿意当电召车司机等。

他说，该部采取措施包括鼓励年轻人或农业系毕业生积极参与农业，善用农业银行提供的各种融资便利。

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | MAFS Minister: Overseas agricultural reverse investment requires investors to bring food | | |
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 28 Mar 2023 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A3 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 240 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,019 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 9,057 |



农长

# 海外逆向投资农业 生产食品须带回国

（吉隆坡27日讯）农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布指出，农业及农业食品领域将引进逆向投资，以协助增加资源及加强国家食品供应。

他说，目前已执行的工作，包括发布供投资者使用的一般指南，尤其是有意在外国进行逆向投资的私人公司。

他指出，这逆向投资规定有关投资者必须将他们在国外投资生产的食品带回马来西亚，以满足国内需求。

"指南讲解农业食品的逆行投资概念及定义，内容包括通过合资企业、投资者联盟、合作伙伴或农民方式在有关国家展开农业活动，探索及扩大本地的海外投资业务。

"引进的商品将视为国内生产的一部分，而引进的商品也必须完全来自生产价值链各阶段的投资。"

## 毕业生拒学以致用

莫哈末沙布今日在上议院国家元首施政御词辩论部门总结时提到，被认为适合逆行投资的国家，如印尼、澳洲、泰国、巴布亚新几内亚和巴基斯坦，用于生产牛肉、水牛、羊及绵羊，而印度和印尼则生产玉米及其他牲畜饲料来源。

此外，他说，农业系学生毕业后没有从事农业，主要是该领域很慢看到成果，有的需要长达一年。

"的确，农业领域很慢有成果……要犁地，畜牧业需要3至6个月，有时甚至需要一年才有收入。因此他们选择打工，因为工作后就会获得工资。因此，这些年轻人更愿意当电召车司机等，尽管农业能给他们丰厚回酬。"

他说，该部采取措施包括鼓励年轻人或农业系毕业生积极参与农业，善用农业银行提供的各种融资便利。



莫哈末沙布：引进的商品将视为国内生产的一部分

Powered by: isentia

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| Headline | Enough chicken supply for Hari Raya | | | |
| MediaTitle | China Press | | | |
| Date | 28 Mar 2023 | Color | Full Color | |
| Section | Nation | Circulation | 127,822 | |
| Page No | A3 | Readership | 383,466 | |
| Language | Chinese | ArticleSize | 128 cm² | |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,525 | |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 7,575 | |



## 内貿部保證
# 開齋節雞肉供應足

（新山27日讯）国内贸易及生活成本部长拿督斯里沙拉胡丁阿育指出，该部将保证在整个斋月和开斋节之前，鸡肉供应充足。

他说，据他日前掌握的资讯，兽医局本身就能保证有足够鸡只，应付开斋节需求。

"市民不必恐慌，我们每天都在监控这个鸡肉供应问题，这是内贸部及兽医局的共同责任。"

沙拉胡丁阿育也是埔莱区国会议员。他昨午走访设在柏伶广场的斋戒月市集后，这么指出。

他说，目前鸡肉价格已达每公斤11令吉，相信临近开斋节时会再度涨价。

"我当然希望到开斋节时鸡肉不会再涨，我们也会每天监督鸡肉供应。"

他说，兽医局从现在开始，持续提供数据给内贸部，确保鸡肉供应充足。

沙拉胡丁阿育说，其部门也将继续与农业及食品安全部、兽医局合作，监测情况并交换意见。

"为避免商家以供应不足为由，任意调涨物品价格的情况发生，执法员也会从斋戒月开始直至开斋节，每天巡视及监督。"

沙拉胡丁建议，只要政府仍然为肉鸡设定（每公斤）9令吉40仙的顶价，希望商家都会遵守。

"如果他们正面对供应问题，或需要内贸部帮助，我们随时准备提供帮助。"

他说，该部会认真看待每一项投诉，因此，若发生肉鸡供应短缺事件，市民和商家可向该部反映。

"因为我们担心这是特定地点（发生的事情），并不能反映真正的问题；有时，供应商和零售商之间会出现问题，可能是因为他们延迟付款或供应不足，这可能发生在某些地方而已。"

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 28/3/2023 | SABAH NEWS | ONLINE | |

# Bekalan Ayam Mencukupi Sehingga Aidilfitri | Sabah News




JOHOR BAHRU – Bekalan ayam mentah di seluruh negara masih dijangka mencukupi sehingga menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri akhir bulan depan, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Datuk Seri Salahuddin Ayub.

Justeru, beliau berkata rakyat tidak perlu bimbang mengenai bekalan tersebut, memandangkan data menunjukkan bekalan mencukupi sehingga tempoh perayaan akan datang.

Beliau sekaligus membidas dakwaan segelintir peniaga, mengenai bekalan ayam tidak mencukupi sebagai sebab menaikkan harga, yang disifatkan tidak sepatutnya berlaku.

*"Saya telah mendapat maklumat terperinci pada hari ini daripada Jabatan Veterinar, setelah KPDN berkongsi maklumat dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS)...*

*"Secara rasminya data menunjukkan bekalan cukup sehingga hari raya ini,"* katanya kepada pemberita selepas mengedarkan kurma pada pengunjung dan peniaga Bazar Ramadan Taman Perling, di sini, semalam.

Bagaimanapun, Ahli Parlimen Pulai itu berkata setiap aduan dipandang serius KPDN, justeru sekiranya perkara tersebut berlaku, rakyat dan peniaga diminta melaporkan perkara itu kepada KPDN.



Datuk Seri Salahuddin Ayub...

*"Kerana kita bimbang (kalau ada) isu tempatan atau tempat-tempat tertentu, itu tidaklah menggambarkan tentang isu sebenarnya. Kadang-kadang, ada masalah di antara pembekal dengan peruncit, mungkin akibat daripada mereka lambat bayar ataupun bekalan tidak cukup, mungkin itu berlaku di tempat-tempat tertentu,"* kata Salahuddin.

Beliau berkata pegawai penguatkuasa KPDN telahpun diarahkan mengetatkan pemantauan sepanjang bulan Ramadan sehingga selepas Hari Raya Aidilfitri, demi kebajikan rakyat.

*"Nasihat saya kepada peniaga-peniaga selagi kerajaan masih meletakkan harga kawalan atau harga siling bagi ayam iaitu RM9.40 (sekilogram), saya harap itu dipatuhi...*

*"Sekiranya mereka berhadapan dengan bekalan ataupun memerlukan bantuan daripada KPDN, kita sedia membantu,"* katanya ketika menjawab dakwaan peniaga yang mengatakan harga naik kerana bekalan kurang di pasaran.

Media sebelum ini melaporkan terdapat kekurangan bekalan ayam segar hampir 30 peratus di pasaran, menyebabkan kenaikan harga ayam tidak dapat dielakkan, dengan harga ayam di peringkat runcit dilaporkan naik kepada RM11 sekilogram sejak awal Ramadan dan dijangkakan terus meningkat sehingga RM11.50 dalam tempoh terdekat.

– BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 28/3/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 33 |

# Kawal harga, beri subsidi makanan ikan

Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA
shofi.isa@mediamulia.com.my

**JERANTUT:** Kerajaan diminta mengawal harga atau memberikan subsidi pada kadar RM20 satu beg makanan ikan yang disifatkan terlalu mahal daripada RM60 sebelum ini, naik kepada RM84 satu beg 20 kilogram ketika ini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, pengusaha dan peruncit ikan sangkar Kampung Jerantut Feri, Azman Zainuddin, 52, berkata, nasib pengusaha ikan sangkar di situ kini ibarat telur di hujung tanduk kerana tidak mampu lagi membeli makanan diperlukan membabitkan 100 beg satu sangkar.

Akibatnya Azman berkata, seramai 29 daripada 37 pengusaha ikan sangkar di kampung itu tidak lagi aktif dan sudah pun mengangkat sangkar mereka ke atas sekali gus hilang punca pendapatan.

Baru-baru ini, *Utusan Malaysia* melaporkan bekalan ikan patin sangkar berkurangan hampir 80 peratus dan berdepan krisis yang begitu kritikal ketika ini sehingga boleh menyebabkan harganya mahal sehingga mencecah RM30 sekilogram terutama pada bulan Ramadan ini.



AZMAN Zainuddin memberikan makanan kepada ikan sangkar yang diternak di Kampung Jerantut Feri di Jerantut, Pahang. - UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD

Ketika ini pun, harga patin sangkar sudah mencecah antara RM22 ke RM24 sekilogram berbanding RM18 ke RM20 sebelum ini.

Tiga faktor utama mempengaruhi kekurangan bekalan sumber protein tersebut iaitu harga makanan ikan mahal, kekurangan benih dan kadar kematian tinggi sehingga lebih 70 peratus setiap satu sangkar.

Sementara itu, penternak ikan patin, MZ Agriculture di Kampung Pangsenam di Temerloh dekat sini, Mohd. Zahran Ishak berkata, bekalan ikan patin sangkar di daerah itu terutama di kampung tersebut ketika ini boleh dikatakan sudah tiada.

"Bukan kurang, tapi sudah iada ikan patin. Banyak kedai-kedai sudah tutup perniagaan kerana tiada ikan. Bulan Ramadan ini memang tiada ikan patin sangkar di kampung ini.

"Isu utama sebab tiada benih yang sudah berlarutan lebih setahun. Buat tempahan 20,000 ekor, yang sampai hanya 2,000 ekor. Itu pun tidak semua yang hidup, hanya 10 peratus.

"Selain faktor benih, isu di daerah ini membabitkan kualiti air yang menyebabkan ikan banyak mati. Tidak tahu apa puncanya," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 28/3/2023 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 17 |

# Harga ayam membebankan, saiz lebih kecil

**Kuala Lumpur:** Kenaikan harga ayam sejak awal Ramadan menyebabkan pembeli terkesan dan mendakwa saiz ayam diterima lebih kecil berbanding sebelumnya di beberapa lokasi di ibu negara.

Suri rumah, Noorzila Abdul Rahman, 49, mendakwa ayam yang dibeli di pasar borong turut mengalami kenaikan harga tetapi saiznya kecil berbanding di pasar raya.

"Kami biasa berbelanja di pasar borong dan agak terasa dengan kenaikan harga ayam kerana selalunya membeli dua ekor dalam satu masa.

"Kalau untuk dua ekor ayam sekarang dalam RM40 di pasar borong tetapi kalau di pasar raya, saya cuma beli bahagian yang anak suka," katanya.

Ibu kepada tiga anak itu mengakui kenaikan harga ayam agak membebankan kerana pada masa sama turut menanggung perbelanjaan sekolah anak.

Tinjauan di Mydin Subang Jaya Hypermarket mendapati, ayam standard dijual pada harga RM9.39 setiap kilogram (kg), manakala di sekitar Petaling Jaya antara RM9.30 hingga RM9.60 satu kg.



*Tinjauan di sekitar pasar di Petaling Jaya semalam mendapati harga ayam segar masih terkawal dengan RM9.20 sekilogram.*

(Foto Rohanis Shukri/BH)

Peniaga ayam dikenali sebagai Zulkifli, 58, berkata ada mendapat makluman kenaikan harga ayam berlaku di peringkat ladang walaupun permintaan tinggi.

"Kami memproses dan menjual antara 700 sehingga 800 ekor ayam sehari, menyebabkan harga di sini lebih murah berbanding tempat lain," katanya.

Di **Kuala Terengganu,** peniaga memberi jaminan bekalan daging lembu mencukupi sehingga Aidilfitri dan tidak akan menaikkan harga.

Tinjauan di Pasar Chabang Tiga, di sini mendapati harga daging lembu tempatan dijual pada harga RM35 sekilogram, hati dan limpa (RM40), tulang, paru dan lidah (RM32), manakala perut dan daging cincang RM14 sekilogram.

Beberapa peniaga daging lembu tempatan memberi jaminan bekalan mencukupi sehingga Aidilfitri.

Peniaga daging, Johari Kamaruddin, 38, turut memberi jaminan tiada kenaikan harga daging lembu tempatan.

Katanya, peniaga bersetuju untuk tidak menaikkan harga atas dasar simpati, selain mengurangkan bebanan dihadapi pengguna yang terpaksa menanggung kos sara hidup yang tinggi.

"Selain di pasar, bekalan daging tempatan juga dijual di kebanyakan tempat, termasuk di gerai di bahu jalan," katanya.

Sementara itu, tinjauan bekalan sayur-sayuran juga mendapati hanya dua jenis sayur menunjukkan kenaikan iaitu tomato dan bunga kubis.

Harga tomato dijual pada harga RM10 sekilogram dan bunga kubis di antara RM9 dan RM10 sekilogram.

Kenaikan harga tomato dan bunga kubis tidak dapat dielakkan berikutan bekalan diperoleh daripada pemborong di Cameron Highlands.

Di **Kuching,** tiada kenaikan mendadak harga ayam dan daging dikesan sejak Ramadan bermula.

Tinjauan mendapati ayam bersih standard dijual antara RM9.80 hingga RM10.80 satu kg, manakala ayam bersih super (tanpa kaki dan kepala) RM10.50 hingga RM10.80.

Harga daging segar tempatan didapati jauh lebih tinggi berbanding daging beku import.

Harga daging lembu tempatan dijual antara RM65 hingga RM72.90 sekilo, manakala harga daging import pula antara RM39 hingga RM56 sekilogram.

Di **Alor Setar,** tinjauan di Pasar Awam Teluk Wanjah, di sini mendapati daging tempatan dijual RM34 sekilogram, daging import RM16 dan ayam RM9.40.

Peniaga, Zainab Abdul Rashid, 51, berkata harga bahan mentah berkenaan tidak banyak berubah berbanding sebelum bermula puasa.

"Harga kebanyakan bahan mentah sama kecuali daging import naik RM1. Minggu lalu saya jual daging import RM15 satu kg, namun pembekal maklumkan harganya naik beberapa hari lalu.

"Kami terpaksa naikkan harga kepada RM16. Harga daging tempatan kekal antara RM33 hingga RM34 sekilogram, manakala ayam RM9.40 sekilogram," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 28/3/2023 | KOSMO | NEGARA | 16 |



Hanya terima 400,000 biji sehari di bulan Ramadan berbanding 600,000 biji sebelum ini

# Orang Terengganu tidak cukup telur




PEGAWAI penguat kuasa KDPN melakukan pemeriksaan bekalan telur ayam di premis perniagaan di sekitar Kuala Terengganu semalam.

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

KUALA TERENGGANU – Terengganu mula menghadapi masalah kekurangan bekalan telur ayam pada minggu pertama bulan Ramadan ini dengan hanya 400,000 biji berada di pasaran pada setiap hari.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) negeri, Saharuddin Mohd. Kia berkata, bekalan telur ayam tersebut tidak memadai dengan permintaan harian penduduk negeri ini iaitu kira-kira satu juta.

Beliau berkata, bekalan sebanyak 400,000 biji telur ayam itu juga jauh lebih rendah berbanding 600,000 biji sehari yang dibekalkan di negeri ini sebelum ketibaan bulan Ramadan.

"Terengganu tidak mempunyai industri ayam penelur dan terpaksa membawa masuk telur daripada negeri-negeri lain seperti Melaka, Johor, Negeri Sembilan, Pahang, Selangor, dan Perak.

> Terengganu tidak mempunyai industri ayam penelur dan terpaksa membawa masuk telur daripada negeri-negeri lain seperti Melaka, Johor, Negeri Sembilan, Pahang, Selangor, dan Perak."

"Begitupun permintaan tinggi di negeri pengusaha telur ayam terbabit pada masa ini menyebabkan mereka terpaksa menumpukan pasaran tempatan menyebabkan bekalan di Terengganu telah berkurangan secara drastik," katanya di sini semalam.

Saharuddin berkata, penurunan bekalan sehingga 33 peratus tersebut telah memberi kesan lebih besar kepada pengguna.

Jelas beliau, ia disebabkan permintaan telur ayam turut meningkat mendadak dalam kalangan peniaga bazar Ramadan dan pengusaha biskut raya tempatan.

"Begitupun, pemeriksaan mendapati telur ayam masih boleh diperolehi pengguna dengan hanya masing-masing satu pemborong dan peruncit di negeri ini yang benar-benar sudah kehabisan stok.

"Kebanyakan pemborong juga telah mengambil inisiatif menempah daripada pengusaha dengan bayaran tunai agar bekalan telur ayam kekal stabil di pasaran," katanya.

Sehubungan itu, Saharuddin menasihatkan pengguna terutama golongan peniaga tempatan tidak melakukan pembelian panik yang akan memburukkan lagi keadaan.

Beliau juga bertegas agar pemborong dan peniaga agar tidak ambil kesempatan menaikkan harga kerana telur ayam merupakan barangan kawalan.

"Kita akan sentiasa pantau pembekal dan pemborong di negeri ini," jelasnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 28/3/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 31 |



AHMAD Syukri Mohd. Suzuki menyusun ayam segar yang dijual di gerainya ketika tinjauan bekalan ayam di sekitar Ketereh, Kelantan. - UTUSAN/ROSMIZAN RESDI

# Bekalan telur ayam di Terengganu berkurangan 33 peratus

**KUALA TERENGGANU:** Pengguna di Terengganu dijangka menghadapi kesukaran mendapatkan telur ayam di pasaran apabila jumlah bekalan dihantar di negeri ini berkurangan sebanyak 33 peratus pada Ramadan ini.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Terengganu, Saharuddin Mohd. Kia berkata, bekalan harian telur ayam yang diterima ketika ini kira-kira 400,000 biji.

Menurutnya, jumlah itu tidak mencukupi berbanding bekalan 600,000 biji yang dihantar sebelum ini.

Katanya, keperluan harian bekalan telur ayam penduduk Terengganu dianggarkan satu juta biji sebulan.

"Pemborong telur ayam memaklumkan faktor utama berlakunya penurunan mendadak itu adalah kerana kekurangan bekalan yang diterima daripada pembekal iaitu pengusaha ladang.

Selain itu, Saharuddin memberitahu, tiada penternakan ayam penelur di Terengganu dan bekalan telur ayam diterima daripada pengusaha ladang di Melaka, Johor, Negeri Sembilan, Pahang, Selangor, dan Perak.

Tambahnya, pembelian melebihi kadar biasa oleh pengguna, pengusaha PMKS serta peniaga bazar Ramadan juga menyebabkan

Bagaimanapun, katanya, hasil pemeriksaan KPDN semalam pula mendapati daripada 13 pemborong telur ayam dan 39 peruncit terpilih di negeri ini, hanya satu pemborong dan satu peruncit sahaja yang kehabisan bekalan.

"Premis berkenaan sudah membuat tempahan dan peladang atau pemborong akan membuat edaran dalam masa terdekat. KPDN Terengganu juga sentiasa menjalankan pemeriksaan berkaitan keberadaan bekalan telur ayam ke atas 160 peruncit terpilih daerah dan 74 pemborong terpilih daerah di seluruh negeri secara harian," ujarnya.



ANGGOTA penguat kuasa KPDN Terengganu memeriksa bekalan telur ayam yang dijual di sebuah premis di Kuala Terengganu, hari ini.

# Pengguna di Kelantan usah bimbang bekalan ayam stabil, dijual pada harga siling

**KOTA BHARU:** Pengguna di negeri ini tidak perlu bimbang dengan masalah bekalan ayam segar masih stabil dan mencukupi untuk menampung keperluan penduduk sepanjang Ramadan.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di daerah ini dan Pasir Mas mendapati bekalan mudah diperoleh namun harga ayam segar dijual pada harga siling iaitu RM9.40 sekilogram.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang peniaga ayam, Ahmad Zaim Zulkifli, 27, berkata, setakat ini bekalan ayam sepanjang Ramadan ini mencukupi dan dihantar setiap hari oleh pembekal.

Menurutnya, walaupun peniaga tidak menghadapi masalah dengan bekalan ayam segar, harga ayam masih lagi tinggi.

"Saya tidak menghadapi masalah untuk mendapatkan bekalan sebanyak 100 ekor ayam setiap hari daripada pembekal untuk dijual sepanjang Ramadan ini.

"Sebagai peniaga, saya amat berharap bekalan ayam segar ini akan mencukupi sehingga Aidilfitri ini serta harga juga dapat diturunkan," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di Ketereh, sini semalam.

Bagi Ahmad Syukri Mohd. Suzuki, 20, berkata, dia tidak mempunyai masalah berhubung bekalan ayam segar sepanjang Ramadan.

"Meskipun kami mendapat harga ayam yang tinggi daripada pembekal, namun kami tetap menjualnya dengan harga di bawah harga syiling yang ditetapkan, " ujarnya.

Sementara itu, di Pasar Tasek Raja Pasir Mas mendapati bekalan ayam mentah mudah diperoleh.

Bagaimanapun, ayam itu dijual antara RM9.40 hingga RM9.80 bergantung kepada peniaga.

Peniaga Mohd. Zailani Mohd. Zain, 50, memberitahu, bekalan ayam masih banyak di pasaran namun harganya masih mahal.

Katanya, orang ramai juga dilihat mengambil pendekatan berhati-hati dalam berbelanja.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 28/3/2023 | HARIAN METRO | LOKAL | 17 |



TERENGGANU mendapat bekalan telur ayam dari pengusaha ladang di Melaka, Johor, Negeri Sembilan, Pahang, Selangor dan Perak.

# Perlu satu juta telur ayam sehari

*Bekalan di Terengganu turun 33 peratus pada Ramadan: KPDN*

**Kuala Terengganu**

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Terengganu mengakui terdapat penurunan hingga 33 peratus bekalan telur ayam di negeri ini pada bulan Ramadan berikutan terdapat kekurangan bekalan daripada pihak pembekal.

Pengarahnya, Saharuddin Mohd Kia berkata, dianggarkan keperluan telur ayam rakyat Terengganu adalah satu juta biji sehari dan bekalan yang diterima kira-kira 600,000 biji dan bekalan itu menurun pada Ramadan iaitu kira-kira 400,000 biji.

"Untuk makluman, di Terengganu tiada penternakan ayam penelur dan Terengganu mendapat bekalan telur ayam dari pengusaha ladang di Melaka, Johor, Negeri Sembilan, Pahang, Selangor dan Perak.

"Maklum balas yang diterima daripada pihak pemborong telur ayam menyatakan faktor utama berlakunya penurunan mendadak ini kerana kekurangan bekalan diterima dari pembekal iaitu pengusaha ladang. Ia adalah disebabkan permintaan telur ayam yang semakin meningkat pada bulan Ramadan dan pihak ladang lebih mengutamakan pasaran setempat," katanya dalam kenyataan.

Saharuddin berkata, pembelian melebihi kadar biasa oleh pengguna, pengusaha perusahaan mikro, kecil dan sederhana serta pengusaha bazar Ramadan turut menyebabkan premis tertentu kehabisan bekalan telur ayam lebih awal sebelum bekalan seterusnya diperoleh sebagaimana dijadualkan.

Bagaimanapun, katanya, hasil pemeriksaan yang dijalankan pada hari ini mendapati hanya satu daripada 13 pemborong telur ayam yang kehabisan bekalan manakala hanya satu daripada 39 peruncit terpilih yang kehabisan bekalan.

"Malah premis berkenaan sudah membuat tempahan dan peladang serta pemborong akan membuat edaran dalam masa terdekat," katanya.

Dalam pada itu, beliau menasihatkan pengguna untuk melakukan pembelian telur ayam secara berhemah dan peniaga diingatkan tidak mengambil kesempatan atas situasi ini dengan menjadikan alasan untuk menaikkan harga.

## *Bekalan ayam cukup hingga Hari Raya Aidilfitri*

**Johor Bahru:** Bekalan ayam mentah di seluruh negara dijangka mencukupi hingga menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri akhir bulan depan, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Datuk Seri Salahuddin Ayub.

Justeru, beliau berkata, rakyat tidak perlu bimbang mengenai bekalan itu, memandangkan data menunjukkan bekalan mencukupi sehingga tempoh perayaan akan datang.

Beliau sekali gus membidas dakwaan segelintir peniaga, mengenai bekalan ayam tidak mencukupi sebagai sebab menaikkan harga yang disifatkan tidak sepatutnya berlaku.

"Saya mendapat maklumat terperinci pada hari ini daripada Jabatan Veterinar selepas KPDN berkongsi maklumat dengan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (Mafs).

"Secara rasminya data menunjukkan bekalan cukup sehingga hari raya ini," katanya selepas mengedarkan kurma pada pengunjung dan peniaga Bazar Ramadan Taman Perling di sini, kelmarin.

Bagaimanapun, Ahli Parlimen Pulai itu berkata, setiap aduan dipandang serius KPDN, justeru sekiranya perkara itu berlaku, rakyat dan peniaga diminta melaporkannya kepada KPDN.

"Kerana kita bimbang (kalau ada) isu tempatan atau tempat-tempat tertentu, itu tidaklah menggambarkan mengenai isu sebenarnya. Kadang-kadang, ada masalah di antara pembekal dengan peruncit, mungkin akibat daripada mereka lambat bayar ataupun bekalan tidak cukup, mungkin itu berlaku di tempat-tempat tertentu," kata Salahuddin.



SALAHUDDIN (kanan) mengedarkan buah kurma kepada peniaga di Bazar Ramadan Perling Mall, Johor Bahru.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 28/3/2023 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 12 |

# Keluasan tanah sawah di Terengganu susut

Oleh ZAID MOHD. NOOR dan KAMALIZA KAMARUDDIN
utusannews@mediamulia.com.my

**KUALA TERENGGANU:** Keluasan tanah sawah yang terletak di luar kawasan 'Jelapang Padi' di negeri ini didakwa semakin susut apabila dibangunkan dengan projek komersial dan perumahan sejak beberapa tahun lalu.

Keadaan tersebut berlaku apabila pemilik tanam sawah bertindak menjual tanah mereka setelah jualan hasil padi tidak 'berbaloi' apabila kos menanam padi semakin tinggi dan membebankan berikutan kenaikan harga baja serta racun.

Seorang pemilik tanah sawah padi di Manir dekat sini, Alias Ismail, 63, berkata, dia berhasrat menjual tanah sawah miliknya seluas 0.45 hektar yang diusahakan sejak 30 tahun kerana hasil padi yang ditanam setahun sekali itu tidak menguntungkan.

Menurutnya, kos penanaman padi semakin melambung apabila harga baja dan racun meningkat lebih sekali ganda pada setiap tahun, manakala hasil padi yang dituai pula tidak seberapa.

Pada masa sama, katanya, seramai tiga orang anaknya yang telah bekerja juga tidak berminat untuk mengusahakan sawah tersebut.

"Saya telah mengiklankan tanah sawah yang ingin saya jual di media sosial sejak sebulan dan beberapa individu berminat membeli tanah tersebut," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Seorang lagi pemilik tanah sawah, Abdul Kadir Yusoff, 55, dari Bukit Payung, Marang, pula berkata, dia telah menjual tanah sawah miliknya seluas 0.5 hektar setelah tidak diusahakan dan berada dalam keadaan terbiar sejak tiga tahun lalu.

"Saya tiada semangat mengusahakan tanaman padi selepas pendapatan yang diperoleh tidak berbaloi dengan tenaga dan masa yang digunakan untuk menanam padi.

"Kebiasaannya saya memperoleh pendapatan tidak sampai RM1,000 sahaja selepas tolak kos membeli benih padi, baja dan racun serta upah membajak," ujarnya.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar Negeri Terengganu, Dr. Azman Ibrahim berkata, Kerajaan Negeri Terengganu mengetatkan kelulusan permohonan tukar syarat tanah sawah padi sejak tahun 2018 bagi mengekalkan kawasan yang aktif tanaman padi.

Menurutnya, langkah tersebut juga diambil bertujuan meningkatkan hasil padi selain beberapa strategi dan inisiatif lain yang dilakukan.



SEBUAH jentera menuai padi memindahkan hasil padi yang dituai ke dalam sebuah lori di Kampung Maras, Kuala Nerus, Terengganu. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI

# Hasil pengeluaran padi Malaysia rendah

**PETALING JAYA:** Hasil pengeluaran padi negara masih rendah berbanding pengeluar lain di Asia Tenggara ini, dengan kadar di Malaysia cuma kira-kira 3.8 tan sehektar.

Data purata pengeluaran padi per hektar seluruh negara menunjukkan bahawa pada 2021, purata pengeluaran padi berjumlah 3.749 tan sehektar, sementara pada 2020 kadar purata pengeluaran padi negara cuma berjumlah 3.654 tan dan 3.501 tan bagi 2019.

Jumlah tersebut lebih rendah berbanding negara-negara pengeluar padi di rantau ini, dengan Vietnam mendahului carta sebanyak 6.14 tan per hektar, diikuti Indonesia (5.12 tan per hektar); Filipina (4.16 tan per hektar), Malaysia (3.749 tan per hektar); Myanmar (3.82 tan per hektar); Kemboja (3.49 tan per hektar) dan Thailand sebanyak 2.96 tan per hektar.

Mengulas perkara tersebut, Pengarah Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan (ITAFoS), Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Datuk Dr. Zulkifli Idrus sewaktu dihubungi berkata, faktor utama mendorong masalah pengeluaran padi negara berpunca akibat kegagalan menjalankan analisa tanah di setiap kawasan jelapang padi.

Jelas beliau, setiap kawasan jelapang berbeza mempunyai nutrisi dalam tanah yang berbeza, justeru memerlukan jenis baja yang berbeza dan tidak boleh menggunakan konsep *'one size fits all'*.

Oleh itu katanya, jenis baja yang disubsidikan juga haruslah berbeza antara satu kawasan jelapang dengan kawasan yang lain supaya memastikan baja yang ditaburkan dapat melengkapkan kawasan yang mempunyai kekurangan nutrisi tertentu dan spesifik.

Malangnya, dedah Zulkifli, pihaknya difahamkan bahawa sekarang ini tiada pihak yang menjalankan analisis tanah di kawasan-kawasan jelapang, mendorong berlakunya masalah pembaziran baja yang tidak dapat melengkapkan keperluan nutrisi tanah tersebut.

Dalam pada itu, satu sumber yang terlibat melaksanakan dasar pertanian memberitahu *Utusan Malaysia*, meskipun dari segi angka, pengeluaran padi negara cuma di tangga ke-4 berbanding Vietnam, Indonesia dan Filipina, namun sebenarnya jumlah itu agak tinggi jika mengambil kira saiz keluasan tanaman padi seluruh negara yang berjumlah cuma 650,000 hektar saja.

Kata sumber, jika dibuat perbandingan dengan Vietnam misalnya, meskipun negara itu mencatatkan jumlah pengeluaran padi sebanyak 6.14 tan per hektar, namun saiz keluasan tanamannya berjumlah 7.21 juta hektar sedangkan Malaysia cuma mempunyai saiz kawasan tanaman padi berjumlah 0.65 juta hektar sahaja.

# 'Pulangan tanam padi tak setimpal'

**ALOR SETAR:** Peningkatan kos mengusahakan tanaman padi terutama harga racun dan baja yang sering naik mengakibatkan segelintir pesawah memilih untuk menukar tanah mereka kepada tujuan lain yang lebih menguntungkan.

Malah, hasil padi yang tidak menentu juga menjadi antara punca kebanyakan pesawah menjual tanah sawah mereka.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, pesawah, Aziz Daud, 73, berkata, setiap tahun pendapatan daripada tanaman itu semakin merosot walaupun terpaksa mengeluarkan belanja yang tinggi.

Katanya, dia sudah bercadang untuk menambun tanah sawahnya seluas kira-kira 0.5 hektar pada tahun lalu untuk dibina rumah kediaman sebelum disewakan.

"Sawah saya diusahakan secara pawah dengan mengupah orang mengerjakannya sebab tidak lagi kuat turun ke bendang, tetapi melihat hasil pendapatan yang terpaksa dikongsi dua sudah tidak setimpal, saya sudah fikir untuk tukar guna tanah itu.

"Tahun lepas lagi terfikir untuk bina rumah sewa sahaja di atas tanah ini, tetapi saya tetap masih cuba teruskan tanam padi dengan harapan pendapatan semakin baik tetapi nampaknya tidak banyak beza dengan musim-musim lalu," katanya ketika ditemui, semalam.

Akhbar ini melaporkan 248,000 pesawah seluruh negara didakwa terkesan akibat kenaikan input pertanian terutama harga racun dan baja.

Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Mohd. Fuad Yaacob berkata, kenaikan harga racun meningkat sejak 2020 tetapi boleh ditampung kerana kerajaan sebelum ini memberi bantuan subsidi percuma RM300 untuk sehektar padi.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 28/3/2023 | THE STAR | NEWS | 4 |


# Reeling in fishing offenders in coastal areas

## Agencies monitoring Johor waters record 63 arrests in bid to ensure sustainability

Stories by MOHD FARHAAN SHAH
farhaan@thestar.com.my

JOHOR recorded 63 arrests of fisherman including 14 cases involving trawlers for breaching Zone A regulations in state waters.

State agriculture, agro-based industry and rural development committee chairman Datuk Zahari Sarip said there were five zones designated for fishing activities based on the Malaysian Fisheries Water Zoning System.

"They are Zone A (0-5 nautical miles), Zone B (5-12 nautical miles), Zone C (12-30 nautical miles), Zone C2 (30 nautical miles to the border of the open seas or exclusive economic zones) and Zone C3, which is the Indian Ocean.

"The permissible fishing gear for each zone has been designated.

"For example, fishermen in Zone A are only allowed to use traditional fishing equipment like cast nets and drift nets," he said during the state assembly sitting at Bangunan Sultan Ismail in Kota Iskandar.

He added that commercial fishing equipment such as trawl nets were not allowed in Zone A.

Zahari said this in his reply to Abdul Aziz Talib (PN-Maharani) who asked about action taken in response to complaints about trawlers in waters off Muar.

He said the Johor Fisheries Department was taking necessary measures to address problems concerning trawlers which interfere with small-scale fishermen's activities.

He said the zones helped ensure balanced socio-economic development in addition to guaranteeing the sustainability of resources for fishermen in Johor.



Zahari: The Fisheries Department is tackling the use of trawlers that interfere with the activities of small-scale fishermen.

"Trawlers found in the coastal fishing zone have a negative impact on the coastal ecosystem.

"This includes changes to the seabed's topography due to dredging activities in shallow seas.

"This will result in destruction of natural habitats for marine life," he said.

Zahari added that the authorities held regular programmes to educate local fishermen on the demarcation of trawling areas and zone violations.

He added that enforcement was carried out regularly in accordance with the Fisheries Act 1985.



Fishermen must obey zoning rules, for example, those in Zone A are allowed to use only traditional equipment such as cast nets. – Filepic

"The Act is relied on to avoid conflicts and disputes between coastal fishermen, who use traditional fishing equipment, and commercial fishermen using high-capacity fishing equipment."

Zahari said multiple enforcement agencies had increased their monitoring, control and surveillance programmes by 20% compared to the previous year.

"We are also collaborating with security agencies such as the Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA) and the police in carrying out enforcement activities, especially in information sharing.

"The Fisheries Department's enforcement capacity will be strengthened with additional patrol boats at the Batu Pahat Resource Protection Base.

"The assets are expected to be received at the end of 2024 or early 2025," he said.

# Pineapple theme park proposed for Pekan Nanas

JOHOR is looking at having a pineapple theme park in Pekan Nanas to spur tourism in the area.

State tourism, environment, heritage and culture committee chairman K. Raven Kumar said based on the Johor Tourism Master Plan 2014-2023, there were various proposals to develop tourism in Pekan Nanas, Pontian.

"Among them is to construct proper entrances to the Sungai Pulai Ramsar site in Jeram Batu, the Gunung Pulai 1 and 2 waterfalls and eco-forest park as well as the connectivity centre for Johor Baru and Pontian.

"There is also a proposal to create an agro-tourism destination such as a pineapple agri-themed park in Kampung Sawah," he said at the state assembly sitting in Kota Iskandar.

Raven said this in his reply to Tan Eng Meng (BN-Pekan Nanas) who asked whether there were plans to develop tourism in Pekan Nanas.

He added the theme park would not only be a new tourist attraction in Pontian but would also be a pineapple farming research centre.

The theme park would complement the pineapple museum located in nearby Pekan Nanas town.

He said among the theme park's proposed components were a pineapple processing and product centre, agricultural farms, pineapple sales centre, pineapple maze playground, farm stays and cultural performance rooms, tourism information centre rooms, seminar and training facilities and a management office.

"However, this proposal has yet to be implemented because it requires very careful planning, especially in identifying entrepreneurs and locations, land acquisition, training and hiring employees as well as planning allocations," he added.

Raven said the state government, through Pontian Municipal Council (MPPn), had established a Pontian district tourism focus group discussion (FGD) committee.

He added the committee was established to support and assist the Pontian district tourism action committee chaired by the Pontian district officer.

"The FGD will look into the promotion of tourism products or for locations within Pontian, in addition to updating the inventory of tourism products with stakeholders," he said.

Raven added MPPn also promoted tourism products and destinations through digital boards at several areas including the intersection of Pontian Trade Centre, Jalan Alsagoff intersection, Empat Benut intersection, Jalan Sawah intersection, Pekan Nanas and Kukup Laut.

"In addition, the council has also prepared a Pontian tourism brochure called "Jom Pontian" which has a QR code to make it easier for tourists to visit," he said.